

12 OCT 2002

Chua-Insurans

CHUA AKAN BERI TAKLIMAT KPD PM MENGENAI CADANGAN WUJUD SKIM INSURANS

SEREMBAN, 12 Okt (Bernama) -- Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng akan memberi taklimat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai cadangan mewujudkan skim insurans kesihatan di negara ini.

"Kita hendak buat (beri) taklimat dulu kepada Perdana Menteri," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir yang menyebut bahawa kos rawatan dan ubat yang tinggi merupakan antara faktor yang menyebabkan kerajaan mahu memperkenalkan skim insurans kesihatan di negara ini.

Chua ditemui pemberita selepas menghadiri majlis makan malam anjuran Persatuan Teowchew dekat sini malam tadi.

Dr Mahathir pada sidang media selepas melancarkan Hari Penglihatan Sedunia semalam dipetik sebagai berkata bahawa kerajaan tidak mampu terus menanggung beban perbelanjaan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat dan berharap skim insurans itu akan meringankan beban.

Perdana Menteri berkata cadangan melaksanakan skim insurans kesihatan itu bukan bermakna kerajaan mahu mengelak daripada memberi rawatan percuma tetapi kerana kewangan negara tidak mengizinkan untuk menanggung pembiayaan yang semakin meningkat.

Bajet 2003 yang dibentangkan Dr Mahathir di Parlimen bulan lepas, memperuntukkan sejumlah RM7.55 bilion bagi meningkatkan taraf dan mutu perkhidmatan perubatan serta kesihatan awam.

Chua berkata taklimat perlu diberikan kepada Perdana Menteri terlebih dulu supaya Dr Mahathir boleh menilai cadangan atau model yang dikemukakan pakar dalam dan luar negara mengenai perkara itu.

Katanya beliau akan memberikan taklimat mengenai skim itu dalam masa terdekat ini.

Katanya pelbagai model yang telah dilaksanakan di beberapa negara telah dikaji untuk mencari model dan skim yang terbaik kepada rakyat negara ini.

Kerajaan memang mengakui satu tabung kesihatan perlu diwujudkan khasnya untuk membantu menampung perbelanjaan rawatan penyakit kronik kepada golongan yang tidak berkemampuan.

Perkara itu telah dicadang dan dikaji sejak tahun 80-an lagi, katanya.

Chua berkata golongan berkemampuan membeli insurans kerana ia memberi faedah kepada mereka terutama pelbagai penyakit menyerang apabila usia semakin dan insurans yang dibeli membolehkan mereka menampung kos rawatan di hospital swasta, tetapi golongan yang tidak berkemampuan, perlu dibantu.

-- BERNAMA

APG LAT